**NO. SOALAN : 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [HULU RAJANG]** |
| **TARIKH** | **:** | **14.11.2019 (KHAMIS)** |

**SOALAN NO. 6**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status Jalan Nanga Melekun ke Rumah Panjang Tunku Sungai Gaat, Baleh, Kapit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pelaksanaan Jalan Nanga Melekun ke Rumah Panjang Tunku Sungai Gaat, Baleh, Kapit iaitu dengan tajuk Projek Membina Jalan Dari Nanga Mujong Ke Nanga Gaat Terus Ke Rumah Tunku, Nanga Sebiro, Sg. Gaat, Bahagian Kapit telah dipohon kepada Unit Perancang Ekonomi untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* 4, tahun 2020, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Walau bagaimanapun, projek ini tidak diluluskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk dilaksanakan pada tahun 2020. Sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk projek ini dilaksanakan, Yang Berhormat boleh memohon semula kepada Kerajaan Negeri untuk dimasukkan ke dalam senarai keutamaan negeri atau pun kepada Kementerian secara terus sebelum diangkat kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk kelulusan selanjutnya. Walau bagaimanapun, kelulusan projek ini adalah tertakluk kepada Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dengan mengambil kira kedudukan kewangan semasa negara. Sekian, terima kasih.